

1093- JENIS-JENIS LAFAZ CERAI LUAR MAHKAMAH: KAJIAN DI MAHKAMAH RENDAH SYARIAH SEPANG, SELANGOR

WAN HANIS QASHRINA BINTI WAN HUSSIN
ZANARIAH DIMON

Fakulti Syariah dan Undang-undang
Universiti Islam Selangor (UIS)

20bi01080@student.kuis.edu.my, zanariah@kuis.edu.my

ABSTRAK

Perceraian di luar mahkamah adalah perceraian yang dilakukan tanpa kebenaran mahkamah syariah. Ia boleh dibuat dengan menggunakan pelbagai medium seperti secara lisan, menggunakan sistem pesanan ringkas (SMS), aplikasi whatsapp dan sebagainya. Kadar perceraian di Selangor sering menjadi yang tertinggi dari tahun ke tahun tidak kira sama ada perceraian yang berlaku tersebut mengikut prosedur atau berlaku di luar mahkamah. Perceraian di luar mahkamah adalah perkara yang tidak boleh dibuat main kerana kesannya adalah amat besar. Antara kesannya ialah apabila pasangan tersebut tidak membuat sebarang pengesahan dan meneruskan hidup bersama sebagai suami isteri seperti biasa. Dikhuatiri pasangan tersebut bukan lagi suami isteri yang sah disisi syarak dan berlakunya perzinaan tanpa disedari. Oleh sebab itu, setiap pasangan perlu melaporkan ke mahkamah syariah jika berlakunya pelafazan talak yang telah dibuat di luar mahkamah, sama ada secara sengaja atau tidak sengaja agar tiada masalah yang akan berlaku di kemudian hari. Perkara ini juga boleh berkait dengan penasaban anak, tuntutan isteri di mahkamah dan sebagainya. Oleh itu, kajian ini dijalankan adalah bagi mengenal pasti konsep perceraian luar mahkamah dari sudut undang-undang dan syarak, mengkaji jenis-jenis lafaz cerai di luar mahkamah dan menganalisis kes dan statistik perceraian yang berlaku di luar mahkamah. Kajian ini adalah berbentuk kualitatif dan pengumpulan data dibuat melalui kajian perpustakaan dan kajian lapangan iaitu temubual dan fail-fail kes di mahkamah syariah. Data dianalisis menggunakan pendekatan secara induktif dan deduktif. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa terdapat beberapa jenis lafaz cerai dalam bentuk sarih atau kinayah yang telah dilafazkan oleh suami dalam kes-kes pengesahan cerai luar mahkamah yang dilaporkan di Mahkamah Rendah Syariah Sepang, Selangor. Kajian juga mendapati sikap suami isteri, masalah kewangan dan keganasan rumah tangga adalah antara faktor penyumbang kepada berlakunya perceraian tanpa kebenaran mahkamah tersebut. Di akhir penulisan, beberapa saranan telah dikemukakan bagi menyelesaikan isu-isu berbangkit.

Kata kunci: perceraian luar mahkamah, perceraian tanpa kebenaran mahkamah, talak, lafaz sarih, lafaz kinayah

PENGENALAN

Perkahwinan merupakan suatu ikatan suci yang bersifat kekal abadi dan diredhai Allah. Setiap pasangan suami isteri tentunya mengharapkan sebuah rumah tangga yang harmoni, bahagia dan berkekalan hingga ke akhir hayat. Namun demikian, tidak semua ikatan perkahwinan yang dibina dapat mencapai matlamat dan kebahagiaan yang diimpikan. Apabila tidak ada lagi persefahaman di antara kedua duanya dalam kehidupan berumah tangga malah sering pula berlaku pertelingkahan antara mereka maka tidak ada pilihan lain lagi kecuali bercerai. Perceraian bukanlah sesuatu yang digalakkan dalam Islam, akan tetapi dalam keadaan yang tidak dapat dielakkan ia menjadi saluran penyelesaian terakhir bagi pasangan suami isteri. Perkataan talak diambil dari perkataan *al-itlaq* yang bermaksud meninggalkan atau melepaskan. Adapun dari sudut syarak pula bererti pembubaran ikatan perkahwinan dan penamatkan hubungan perkahwinan dengan lafaz talak. Secara umumnya,

kuasa menjatuhkan talak berada di tangan suami. Apabila suami menjatuhkan talak maka berlakulah perceraian sama ada lafaz menggunakan bahasa Arab atau bahasa lain, melalui tulisan atau bahasa isyarat yang boleh difahami. Talak yang dijatuhkan itu terbahagi kepada dua iaitu talak dilafazkan secara jelas (*as-sarih*) dan talak yang berlaku secara kiasan (talak *kinayah*). Menurut jumhur juga, sesungguhnya talak adalah perkara yang dibenarkan tetapi sebolehnya ia tidak dilakukan kerana ia suatu tindakan memutuskan sesebuah ikatan kecuali jika mengandungi sebab tertentu (Az-Zuhaili, 2011).

Perceraian luar mahkamah adalah perceraian yang dilakukan tanpa izin mahkamah syariah. Cerai luar mahkamah termasuk mengucapkan cerai secara lisan tanpa izin mahkamah, cerai melalui e-mail, cerai melalui sistem pesanan ringkas ataupun SMS dan cerai melalui aplikasi *WhatsApp* dan sebagainya. Bagi kes perceraian begini, pihak isteri atau suami perlu membuat permohonan pengesahan ke mahkamah syariah bagi mengesahkan status lafaz perceraian tersebut, samada ia dilafazkan secara sengaja atau tidak. Dalam situasi hari ini, apabila pasangan bertelagah dan rumah tangga menjadi kacau bilau, pihak suami sering melafazkan talak secara tidak sengaja. Hal ini kerana, pasangan yang bertelagah mudah melakukan sesuatu tindakan di luar jangkaan. Talak merupakan perkara yang dibenci oleh Allah SWT tetapi ia dibenarkan. Berdasarkan hadis Rasulullah SAW:

أَبْغَضُ الْخَلَالَ إِلَى اللَّهِ تَعَالَى الظَّلَاقُ

Maksudnya:

Daripada Ibn Umar RA bahawasanya Nabi SAW bersabda perkara halal yang paling dimurkai Allah adalah talak.

Pada masa yang sama, isu perceraian di luar mahkamah ini telah menjadi lebih serius apabila pasangan menyembunyikan lafaz talak dan rujuk tersebut. Hal ini mungkin kerana stigma sesetengah masyarakat masa kini yang berpendapat bahawa urusan di mahkamah syariah akan memakan masa yang lama. Maka segelintir pihak membuat keputusan untuk tidak membuat pengesahan lafaz cerai dan rujuk. Terdapat banyak kes dimana pihak-pihak menyembunyikan lafaz talak di luar mahkamah, apabila hadir ke mahkamah mereka tidak mengetahui jumlah lafaz yang sebenar. Bahkan terdapat kes yang sudahpun melafazkan talak lebih dari 3 kali. Masalah ini akan menyebabkan kesukaran kepada pihak-pihak (Saifuddin, 2019). Apa yang lebih malang lagi sekiranya ia membawa kepada masalah kesahtarafan anak yang dilahirkan oleh pasangan tersebut.

Menurut undang-undang keluarga Islam negeri-negeri di Malaysia, terdapat banyak peruntukan undang-undang mengenai perceraian. Sebagai contoh permohonan perceraian di bawah seksyen 47 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Selangor 2003. Permohonan ini ialah melalui lafaz talak dari suami dan memerlukan persetujuan kedua-dua belah pihak untuk bercerai. Mahkamah tidak akan membenarkan suami melafazkan talak sekiranya pihak isteri tidak bersetuju untuk bercerai (Yusnita et al., 2021). Selain perceraian melalui lafaz talak, ada juga perceraian melalui perintah mahkamah seperti cerai taklik, cerai fasakh dan sebagainya. Sebagai contoh cerai secara fasakh, Fasakh adalah kuasa hakim untuk membubarkan perkahwinan tanpa lafaz dan kebenaran daripada pihak suami, oleh itu tugas di

pihak isteri ialah dia hendaklah mengemukakan bukti kukuh untuk meyakinkan hakim bicara bahawa alasan-alasan untuk sabitan fasakh tersebut adalah benar dan menepati kehendak syarak. Dalam masa yang sama, suami juga akan diberi ruang yang saksama untuk membela diri di atas pertuduhan yang dikemukakan oleh pihak isteri (Zain@Zakaria & Abdullah, 2018). Di samping itu juga, menurut undang-undang keluarga Islam yang berkuatkuasa di setiap negeri khususnya di Negeri Selangor, perceraian tidak boleh sewenang-wenangnya dilafazkan di luar mahkamah. Oleh itu, mana-mana suami yang telah menceraikan isterinya dengan lafaz talak di luar mahkamah dan tanpa kebenaran mahkamah hendaklah melaporkannya kepada mahkamah dalam tempoh tujuh hari daripada hari pelafazan talak itu berlaku. Selepas itu, mahkamah akan membuat siasatan bagi memastikan sama ada talak yang dilafazkan itu adalah sah mengikut hukum syarak. Jika mahkamah berpuas hati bahawa talak yang telah dilafazkan itu adalah sah mengikut hukum syarak, maka mahkamah akan mengesahkan dan merekodkan perceraian itu. Kemudian, mahkamah dikehendaki untuk menghantar suatu salinan rekod itu kepada pendaftar yang berkenaan dan kepada ketua pendaftar untuk didaftarkan sepertimana yang diperuntukkan dalam seksyen 57 (1), (2), (3) EUUKIS 2003. Justeru itu, melafazkan cerai di luar mahkamah dan tanpa kebenaran mahkamah merupakan satu kesalahan undang-undang syariah. Menurut EUUKIS seksyen 125, seorang suami yang telah menceraikan isterinya di luar mahkamah adalah satu kesalahan dan jika disabitkan bersalah, maka suami tersebut boleh dikenakan hukuman denda, penjara atau kedua-duanya sekali. Oleh itu, kajian ini dibuat bagi menjelaskan jenis-jenis lafaz cerai yang sering digunakan oleh pasangan yang bercerai di luar mahkamah serta faktor-faktor berlakunya perceraian di luar mahkamah tersebut. Dibincangkan juga statistik kes perceraian luar mahkamah di bawah seksyen 57 yang telah direkodkan di Mahkamah Rendah Syariah Sepang bagi menguatkan lagi kajian ini.

METODOLOGI

Metodologi kajian adalah meliputi cara, kaedah, pendekatan yang digunakan untuk mencapai objektif dan matlamat kajian. Metodologi kajian menjadikan kajian yang dijalankan lebih bersistematis dan perjalanan kajian lebih terarah dalam mencapai objektif. Kajian yang dibuat oleh penulis adalah suatu kajian berbentuk kualitatif. Terdapat dua metode yang digunakan iaitu metode pengumpulan data dan metode penganalisisan data. Dalam melaksanakan metode pengumpulan data, penulis menggunakan kaedah-kaedah kajian perpustakaan dan kajian lapangan seperti temubual dan semakan fail-fail kes berkaitan.

Kajian perpustakaan merupakan salah satu kaedah penting untuk mendapatkan maklumat bagi tujuan kajian ini. Kaedah ini adalah yang biasa digunakan oleh para pengkaji untuk mendapatkan sebanyak mungkin maklumat yang relevan berkaitan dengan tajuk kajian. Proses mendapatkan maklumat tertumpu pada pembacaan dan rujukan daripada buku undang-undang, statut dan juga kitab-kitab fiqh. Bagi kajian lapangan, penulis telah membuat satu temubual bersama hakim Mahkamah Rendah Syariah Sepang. Temubual adalah suatu instrumen yang penting bagi kajian berbentuk kualitatif. Hal ini kerana dari temubual, pengkaji boleh mendapatkan maklumat yang lebih mendalam. Yang mana ia tidak dapat diperolehi dengan menggunakan kaedah-kaedah yang lain dan tidak wujud di dalam mana-mana dokumentasi dan fail-fail kes di mahkamah. Metode dokumentasi ini juga di gunakan dengan merujuk kepada maklumat dan data yang telah direkodkan di Mahkamah Rendah Syariah Sepang. Secara keseluruhannya, kaedah ini digunakan untuk mendapatkan

maklumat mengenai kes-kes, rekod-rekod penghakiman, keputusan mahkamah serta statistik yang berkaitan tajuk kajian. Selain itu, pengkaji juga ingin melihat bagaimana peruntukan undang-undang yang berkaitan diamalkan dan dipraktikkan di dalam sesuatu kes tersebut.

Seterusnya, dalam melaksanakan metode penganalisisan data pula, pengkaji telah menggunakan pendekatan secara induktif dan deduktif. Pendekatan induktif ialah proses yang memberi penjelasan yang umum berdasarkan pemerhatian yang spesifik. Di mana data-data serta fakta-fakta yang khusus telah digunakan untuk mencapai satu kesimpulan. Data yang diperolehi tersebut akan dianalisa sehingga mewujudkan satu teori yang jelas seperti hasil temubual yang dibuat dengan pihak mahkamah serta fail-fail kes yang dilihat. Metode deduktif ialah cara menganalisis data dan melakukan penulisan yang berdasarkan kepada pola berfikir mencari pembuktian dengan berpandukan kepada dalil yang umum terhadap hal-hal khusus. Bahan yang mempunyai fakta umum ini akan digunakan dengan lebih luas agar ianya boleh menyeluruh penggunaannya seterusnya membuat kesimpulan ke atas maklumat tersebut.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Jenis-Jenis Lafaz Cerai

Terdapat beberapa jenis lafaz cerai luar mahkamah yang telah direkodkan di Mahkamah Rendah Syariah Sepang iaitu yang paling biasa ialah lafaz cerai secara *sarih* dan *kinayah*. Lafaz talak secara *sarih* adalah yang sering berlaku dan banyak direkodkan. Bagi kes cerai luar mahkamah, kebanyakan yang sabit adalah lafaz yang jelas iaitu lafaz *sarih*. Contohnya, “aku ceraikan kau dengan talak 1”. Namun, terdapat juga kes yang menggunakan lafaz secara tidak jelas (*indirect*) ataupun dengan kata lain disebut sebagai lafaz *kinayah*. Contohnya, “kau pergilah balik rumah mak kau”. Bagi situasi tersebut, ia memerlukan mahkamah untuk menyiasat terlebih dahulu lafaz yang dibuat oleh suami sebelum memberikan keputusan jatuh atau tidak talak. Hakim akan memberikan keputusan bergantung kepada ijтиhadnya dan mengikut kepada pengetahuan dan pengalamannya sebagai seorang hakim. Berdasarkan kajian yang dibuat, didapati bahawa pasangan yang bercerai di luar mahkamah lebih banyak menggunakan lafaz cerai secara *sarih* berbanding *kinayah*. Akan tetapi ada juga yang menggunakan lafaz cerai secara *kinayah*. Walau bagaimanapun, kebanyakan yang sabit adalah yang menggunakan lafaz *sarih*.

Seterusnya, terdapat juga kes perceraian luar mahkamah yang menggunakan lafaz jenis ta’liq. Pensabitan lafaz ta’liq adalah bergantung kepada pengakuan suami. Ta’liq boleh dilihat dalam dua keadaan iaitu ta’liq hidup dan ta’liq mati. Ta’liq mati ialah lafaz ta’liq suami itu hanya mengikat si isteri dalam sesuatu tempoh tertentu dan setakat itu sahaja. Ada keadaan di mana ta’liq itu menjadi hidup. Lafaz ta’liq itu hidup sepanjang hayat si isteri dan sepanjang dia menjadi isterinya. Berdasarkan kajian ini, dapat disimpulkan bahawa selain lafaz cerai secara *sarih* dan *kinayah* ada juga kes perceraian luar mahkamah yang berlaku dengan menggunakan lafaz ta’liq. Tidak boleh dinafikan bahawa ada suami yang tidak tahu dan faham pun apa yang dimaksudkan dengan lafaz ta’liq. Ada yang tidak tahu akan kesannya dan hanya mengucapkan secara membuta tuli sahaja. Oleh itu, untuk mensabitkan lafaz ta’liq tersebut mahkamah akan bertanya dan menerima pengakuan suami.

Selain itu, ada juga lafaz cerai yang dibuat akibat adanya unsur ugutan. Secara umumnya, pensabitan lafaz bergantung kepada apa yang dibentangkan dalam permohonan. Apabila permohonan pemfailan dibentangkan, hakim boleh melihat kepada cara lafaz itu dibuat, di mana, pada waktu bila, keadaan si pelafaz tersebut dan sama ada berlaku ugutan ataupun apa-apa yang membuatkan satu pihak itu terpaksa ataupun dengan sengaja melafazkan talak tersebut. Apabila wujudnya ugutan atau ketidakrelaan ketika suami melafazkan lafaz cerai tersebut, keputusan sama ada jatuh atau tidak talak adalah bergantung kepada penilaian hakim itu sendiri. Namun kebiasaannya, perkara itu menjadi tidak sabit kerana adanya unsur keterpaksaan. Apabila berlaku begitu, ia adalah bukan kerelaan dan menjadi perkara yang darurat. Maka, lafaz cerai itu adalah menjadi tidak sah. Berdasarkan kajian ini, didapati bahawa ada juga jenis lafaz yang berunsurkan ugutan dan adanya ancaman sehingga terpaksa melafazkan cerai. Pelafazan cerai telah dibuat dalam keadaan darurat dan dengan tidak suka rela oleh si suami. Malah, keadaan darurat itu sememangnya akan memberikan kesan negatif kepada pasangan tersebut. Oleh sebab itu, hakim akan menilai dan kebiasaannya ditolak kerana suami menjatuhkan talak tersebut dalam keadaan terpaksa dan boleh menyebabkan berlakunya kezaliman dan penganiayaan. Bertepatan dengan firman Allah SWT:

مَنْ كَفَرَ بِاللَّهِ مِنْ بَعْدِ إِيمَانِهِ إِلَّا مَنْ أَكْرَهَ وَقَبْلَهُ مُطْمَئِنٌ بِالإِيمَانِ

(Surah al-Nahl: (16):106)

Maksudnya:

Sesiapa yang kufur kepada Allah sesudah ia beriman (maka baginya kemurkaan dan azab dari Allah) kecuali orang yang dipaksa (melakukan kufur) sedang hatinya tenang tenteram dengan iman.

Ayat ini menunjukkan bahawa perkataan yang diucapkan dengan terpaksa dalam talak tidak dikira dan tidak ada hukum syarak yang dikenakan kepada orang yang dipaksa. Jika seseorang tidak dihukum kerana perkataan kufur yang diucapkan dengan terpaksa, maka pada perkara yang lain juga tidak akan dikenakan hukuman (Nashir Al-Sa'di, 1977). Kajian juga mendapati bahawa jenis lafaz cerai yang sangat banyak terjadi adalah lafaz cerai dalam keadaan marah. Banyak kes suami melafazkan cerai kerana perasaan marah yang melampau dan secara tidak sengaja. Dalam menyelesaikan isu ini, hakim akan membuat penilaian berdasarkan keadaan marah si pelafaz pada ketika itu, sama ada dia di bawah pengaruh sedar atau tidak. Oleh itu, lafaz cerai yang diucapkan oleh suami dalam keadaan marah yang melampau adalah tidak sabit kerana keadaannya yang pada ketika itu hilang kewarasannya akal sehingga tidak boleh mengawal diri dan berfikir secara rasional. Berdasarkan kajian ini menunjukkan bahawa sememangnya ramai pasangan yang terdorong untuk mengucapkan lafaz cerai atau meminta cerai dari suami kerana perasaan marah yang melampau. Apabila seseorang bercakap dalam keadaan marah, mereka lebih cenderung untuk mengeluarkan kata-kata yang beremosi tanpa berfikir panjang. Kesudahannya, memberikan kesan negatif kepada sesuatu hubungan tersebut. Perasaan marah merupakan salah satu sifat fitrah yang ada dalam diri setiap manusia. Sifat marah yang melampau itu datang dari nafsu amarah dan hasutan syaitan.

Kesimpulannya, kesemua jenis-jenis lafaz cerai di atas adalah yang biasa dan paling kerap direkodkan di mahkamah. Tidak semua lafaz cerai boleh disabitkan dengan mudah kecuali lafaz cerai yang menggunakan lafaz *sarih*. Hal ini kerana ia memerlukan hakim untuk mengkaji dan menyiasat dahulu kepada cara dan keadaan si suami semasa melafazkan talak tersebut. Dibimbangi adanya unsur-unsur negatif yang mendorong suami untuk melafazkan tanpa kerelaan sehingga membawa kemudaratkan kepada pasangan tersebut. Oleh sebab itu, pasangan yang membuat pelafazan cerai di luar mahkamah perlu dengan secepat mungkin membuat pengesahan status talak di mahkamah bagi kebaikan bersama.

Faktor-faktor Perceraian di Luar Mahkamah

Berdasarkan kajian yang dibuat, terdapat banyak faktor yang menjadi punca kepada berlakunya perceraian di luar mahkamah ini. Antara faktor-faktornya adalah perselisihan faham antara pasangan. Perselisihan faham yang berlarutan sehingga berakhir dengan perceraian adalah perkara yang biasa dan banyak berlaku. Definisi perselisihan faham ataupun *shiqaq* adalah bermaksud permusuhan dan perselisihan yang berterusan antara suami dan isteri. Apabila perselisihan berlaku antara pasangan suami dan isteri walau apa jua puncanya, Islam menganjurkan pasangan tersebut agar berusaha mencari jalan perdamaian atau pergi membuat kaunseling bagi mempertahankan ikatan perkahwinan yang telah dibina (A. Shukor et al., n.d.). Perselisihan faham menjadikan suami dan isteri itu saling benci membenci di antara satu sama lain. Ia menyebabkan satu keadaan kehidupan berumah tangga itu sentiasa berada dalam keadaan tidak harmoni dan berkonflik. Konflik adalah bahagian yang tidak dapat dielakkan dalam kehidupan berkeluarga akan tetapi ia boleh diselesaikan dengan adanya kerjasama antara pihak-pihak (Abd Rahman et al., 2020). Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa perselisihan faham antara suami dan isteri adalah faktor yang biasa menjadi asbab kepada berlakunya perceraian luar mahkamah. Berselisih faham dan berbeza pendapat adalah perkara normal bagi setiap manusia. Akan tetapi, dengan adanya perbincangan dan komunikasi yang baik dapat menjadikan pertelingkahan itu mencapai solusi yang memuaskan hati setiap pihak. Syariah islam juga ada menyediakan beberapa langkah penyelesaian terhadap pasangan yang mempunyai masalah rumah tangga antaranya seperti sugh, hakam, jawatankuasa pendamai dan sebagainya.

Seterusnya, masalah kewangan adalah faktor paling utama berlakunya perceraian di luar mahkamah. Perkara ini terjadi atas beberapa sebab antaranya ialah apabila si isteri itu tidak boleh hidup susah. Berkemungkinan pada asalnya isteri lahir di dalam keluarga yang kaya dan berkahwin pula dengan suami yang berstatus kewangan sederhana atau biasa. Apabila dari kecil sudah biasa hidup dalam keadaan serba mewah dan tiba-tiba selepas berkahwin perlu merasai susah maka ia telah mendorong si isteri untuk meminta cerai kepada suaminya. Selain itu, ada juga beberapa faktor penyebab yang lain seperti masalah suami yang tidak bekerja, gaji yang sedikit sehingga tidak mampu menampung kehidupan dan sebagainya. Berdasarkan kajian ini, didapati bahawa masalah kewangan memberi impak yang sangat besar kepada sesuatu hubungan dan bagi sesebuah keluarga. Hal ini kerana pada masa kini ekonomi keluarga, negara malah global juga sedang terumbang ambing selepas berlakunya fasa Covid-19. Pada masa itu, ramai yang mengalami kesempitan wang, dibuang kerja, tidak mendapat gaji dan sebagainya. Tidak dinafikan sebelum adanya wabak Covid ini, masalah kewangan juga berlaku akan tetapi selepas datangnya wabak ini, semakin ramai yang mengalami kesusahan tersebut.

Selain itu, isu nafkah juga adalah antara faktor kepada meningkatnya kadar perceraian di luar mahkamah. Hal ini terjadi kerana hilangnya rasa tanggungjawab dalam diri suami kepada isteri dan anak-anak. Wujud sesetengah suami yang sememangnya tidak mampu untuk memberi nafkah yang banyak. Akan tetapi dengan kecekalan yang ada di dalam dirinya, membuatkan dia tetap memberi nafkah walaupun sedikit. Walau bagaimanapun, tidak dinafikan bahawa ada sesetengah suami itu memang berniat untuk tidak mahu menunaikan tanggungjawabnya dengan memberi nafkah ataupun memberi nafkah dengan amaun yang sedikit dan tidak masuk akal pada era masa kini. Hal ini telah mendorong si isteri untuk bercerai dan meminta cerai. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa duit bukan segala-galanya tetapi untuk bahagia kita memerlukan duit. Isu nafkah ini sering diambil ringan oleh para suami. Sedangkan itu adalah tanggungjawab wajib yang diberikan Allah kepadanya sebagai ketua keluarga.

Di samping itu, masalah keganasan rumah tangga (*domestic violence*) juga telah menjadi faktor kepada berlakunya perceraian di luar mahkamah. Kebiasaannya rakyat di Malaysia, mereka beranggapan bahawa keganasan rumah tangga adalah datangnya dari sebelah pihak sahaja. Hakikatnya, ia adalah melibatkan kedua-dua belah pihak iaitu suami dan juga isteri. Menurut Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga, pada tahun 2019 dan 2020 terdapat peningkatan kes keganasan rumah tangga disebabkan penderaan fizikal bagi kaum lelaki iaitu sebanyak 558 kes pada tahun 2019 kepada 612 kes pada tahun 2020. Bagi kaum Wanita pula, terdapat penurunan kes iaitu sebanyak 5358 kes pada tahun 2019 menurun kepada 4766 kes pada tahun 2020. Penurunan yang berlaku itu berkemungkinan kerana ramai mangsa yang tidak tampil ke hadapan untuk membuat laporan (Ismail & Abdul Rahman, 2021). Sudah terang lagi bersuluh, walaupun berlaku penurunan kes, terdapat jurang yang amat besar di antara jumlah kes keganasan rumah tangga terhadap lelaki (suami) dan juga wanita (isteri). Ini menunjukkan kaum wanita lebih terdedah kepada masalah keganasan rumah tangga. Berdasarkan kajian ini, didapati bahawa keganasan rumah tangga juga ada menyumbang kepada berlakunya perceraian luar mahkamah. Sudah jelas bahawa perbuatan ini banyak memberikan mudarat kepada mangsa tidak kira suami maupun isteri. Mudarat yang diperolehi akan menjelaskan mental dan fizikal mangsa. Oleh sebab itu, mangsa akan ter dorong untuk meminta cerai dan melafazkan cerai kerana tidak tahan dengan kesakitan yang dialami.

Pada waktu yang sama, masalah kesihatan mental telah menjadi penyakit pada hari ini yang juga menyumbang kepada faktor berlakunya perceraian di luar mahkamah. Pandemik Covid-19 telah menjadikan masalah kesihatan mental masyarakat menjadi amat membimbangkan. Rakyat berada dalam keadaan susah, terkurung, pergerakan terbatas dan sebagainya sehingga mengganggu emosi dan mental mereka. Namun, siapa sangka peribahasa ‘ada pelangi selepas hujan’ hanyalah menjadi sekadar kata-kata. Timbul pula isu lain selepas tamatnya pandemik seperti sudah jatuh ditimpa tangga. Isu kenaikan harga barang, ekonomi keluarga dan negara yang tidak stabil serta kehilangan kerja dan sebagainya lebih membuatkan masyarakat terseksa dari segi mental. Ada kes melibatkan suami yang mengalami masalah mental telah melafazkan cerai di luar mahkamah kepada isterinya. Akan tetapi talak itu tidak jatuh kerana ia dibuat oleh seorang yang berada dalam keadaan dia tidak waras. Kata-kata dari seorang yang sakit mental tidak boleh diterima dengan sewenangnya

kerana dia tidak boleh berfikir dengan baik dan rasional. Malah dia juga tidak boleh dipertanggungjawabkan dengan apa-apa beban. Ini berdasarkan Sabda Rasulullah SAW:

رُفِعَ الْقَلْمُ عَنْ ثَلَاثَةِ: عَنِ النَّائِمِ حَتَّىٰ يَسْتِيقْظَ، وَعَنِ الصَّبَّيِ حَتَّىٰ يَحْتَلِمُ، وَعَنِ الْمَجْنُونِ حَتَّىٰ يَعْقُلُ


Maksudnya:

Diangkat pena daripada tiga golongan: Orang yang tidur sehingga dia bangun, daripada bayi sehingga dia remaja (baligh) dan daripada orang yang bermasalah mental sehingga dia berakal.

Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa kes perceraian yang berkaitan masalah mental ini ada berlaku walaupun ia tidak terlalu menjadi perhatian ramai. Namun, sudah pasti jika tidak dipulihkan penyakit ini dari akar umbinya maka masalah tersebut akan sukar untuk ditangani. Hal ini kerana ia melibatkan masalah dalaman yang sukar untuk dileyapkan dan memerlukan konsultasi daripada pihak yang lebih arif. Pihak berkuasa perlu lebih cakna dengan keadaan semasa negara yang akan menjelaskan masalah mental rakyat

Statistik Kes Perceraian Di Luar Mahkamah

Jadual 3.1: Statistik kes perceraian luar mahkamah di Mahkamah Rendah Syariah Sepang dari tahun 2018 hingga tahun 2022.



Sumber: Mahkamah Rendah Syariah Sepang

Berdasarkan statistik di atas, kadar perceraian luar mahkamah di Mahkamah Rendah Syariah Sepang tidak menunjukkan perubahan yang ketara dari tahun 2018 hingga tahun 2022. Pada tahun 2018, jumlah kes yang direkodkan adalah sebanyak 183 kes. Selepas itu, kadar tersebut

semakin meningkat pada tahun 2019 iaitu sebanyak 229 kes. Jumlah tersebut adalah jumlah yang tertinggi sepanjang 5 tahun ini. Pada penghujung tahun 2019, wabak Covid-19 telah mula menyerang negara. Ramai yang menghadapi masalah untuk meneruskan kehidupan, ramai yang berada dalam keadaan susah dan fikiran bercelaru. Semua orang perlu berkurung di dalam rumah dan pergerakan sangat terkawal. Setelah diambil kira hal tersebut, berkemungkinan itu juga telah menjadi faktor peningkatan kes perceraian luar mahkamah pada tahun 2019.

Seterusnya pada tahun 2020, berlaku penurunan jumlah kes dari 229 kes (2019) ke 208 kes. Sewaktu itu, fasa Covid-19 masih lagi berlaku akan tetapi ramai yang sudah mula dapat mencerna perubahan yang berlaku pada kehidupan mereka. Walau bagaimanapun, tidak dapat disangkal bahawa sebenarnya ada situasi yang mana pasangan tersebut sudah melafazkan cerai di luar mahkamah tetapi tidak membuat pengesahan. Oleh itu, mahkamah tidak boleh merekodkan perkara tersebut. Pada tahun 2021, kes yang direkodkan adalah sebanyak 205 kes. Perbezaan di antara jumlah kes pada tahun 2020 dan 2021 adalah sebanyak 3 kes sahaja. Akhir sekali, pada tahun 2022, jumlah kes yang dicatatkan adalah sebanyak 196 kes. Jika dilihat dengan teliti, berlakunya penurunan sedikit demi sedikit jumlah kes perceraian luar mahkamah ini. Angka tersebut menunjukkan perkhabaran yang positif akan tetapi secara umumnya kadar-kadar kes perceraian sepanjang 5 tahun berkenaan adalah masih tinggi. Sepatutnya ini tidak berlaku kerana Islam tidak suka akan perceraian walaupun ia dibolehkan.

KESIMPULAN

Rumusannya, hasil kajian mendapati bahawa terdapat beberapa jenis lafadz cerai di luar mahkamah yang sering direkodkan di Mahkamah Rendah Syariah Sepang iaitu lafadz cerai secara *sarih*, lafadz cerai *kinayah*, lafadz cerai *ta'liq*, lafadz cerai dengan adanya unsur ugutan dan lafadz cerai kerana marah. Kesemua lafadz tersebut telah dibuat oleh suami di luar mahkamah dan tanpa kebenaran mahkamah sama ada dia dalam keadaan sedar atau tidak sedar serta dengan niat atau tanpa niat. Oleh hal yang demikian, pihak-pihak tersebut perlulah memfailkan kes tersebut di bawah seksyen 57 EUUKIS untuk membuat pengesahan lafadz talak. Mahkamah akan menyiasat terlebih dahulu segala fakta yang diperolehi dan jika mahkamah berpuas hati bahawa lafadz itu menepati hukum syarak maka mahkamah akan mengesahkan dan merekodkan. Seterusnya, jika dikaji dari sudut penyebab pula, faktor yang mendorong kepada berlakunya perceraian di luar mahkamah ialah perselisihan faham, masalah kewangan, isu nafkah, masalah keganasan rumah tangga (*domestic violence*) dan masalah kesihatan mental. Setiap perkahwinan pasti tidak akan terlepas dengan bermacam-macam jenis ujian, akan tetapi pihak-pihak dalam hubungan tersebut perlulah bijak menyelesaikan masalah dan sabar menghadapinya. Hal ini kerana tidak semua masalah perlu diakhiri dengan perceraian selagimana boleh diselesaikan dengan cara yang baik dan memuaskan hati pihak-pihak. Selain itu, kadar perceraian luar mahkamah di Mahkamah Rendah Syariah Sepang tidak menunjukkan perubahan yang terlalu ketara dari tahun ke tahun. Akan tetapi secara keseluruhannya, jumlah kes setiap tahun adalah banyak dan perkara ini tidak seharusnya terjadi dalam kalangan pasangan Islam di Malaysia.

RUJUKAN

- A. Shukor, H., Hashim, H., & Ghulam Khan, I. N. (n.d.). *Krisis rumah tangga: Punca-Punca dan cara untuk mengatasinya menurut perspektif syariah dan undang-undang keluarga Islam (wilayah persekutuan) 1984*. Kajian syariah dan undang undang.
- Abd Rahman, N. S., Abdul Rahman, N. S., & Talib, H. (2020). Keruntuhan rumah tangga: Punca dan solusinya. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial Dan Kemanusiaan Ke-5 (PASAK5 2020) – Dalam Talian*.
- Az-Zuhaili, W. (2011). *Fiqih Islam wa adillatuhu* (Vol. 9). Darul Fikir.
- Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003
- Ismail, R., & Abdul Rahman, F. F. (2021). *Analisis Keganasan Rumahtangga Di Malaysia Tahun 2020*. Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga Kementerian Kesihatan Malaysia.
- Nashir Al-Sa'di, A. (1977). *Taysir al-Karim al-Rahman fi tafsir kalam al-mannan* (1st ed.). Muassasah Ar-Risalah.
- Saifuddin, S. (2019, July 12). Usah sembunyikan lafaz cerai luar mahkamah. *KOSMO*. https://www.researchgate.net/publication/345151071_USAH_SEMBUNYIKAN_LA_FAZ_CERAI_LUAR_MAHKAMAH_KOSMO_12_JULAI_2019
- Mat Jusoh, Z.Y., Dimon, Z., & Abdul Rahman, S. H. (2021). Kuasa hakam dan kesannya terhadap kes-kes permohonan perceraian tanpa persetujuan satu pihak: Satu dapatan awal. *Proceeding of 8th International Research Management and Innovation Conference (8th IRMIC 2021)*.
- Zain@Zakaria, M. Z. M., & Abdullah, R. (2018). Tuntutan fasakh: Kajian dari perspektif undang-undang tatacara mal fasakh proceedings: A study from the perspective of shariah courts civil procedure. *Journal of Shariah Law Research*, 3(1), 1–34.